

12/11/1999

SPR bebas jalankan tugas

KUALA LUMPUR, Khamis - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tetap bebas dan tidak akan dipengaruhi oleh mana-mana pihak bagi memastikan pilihan raya umum ke-10 dan terakhir bagi abad ini, dijalankan dengan adil dan bersih.

Setiausaha SPR, Datuk Wan Ahmad Wan Omar, berkata pihaknya juga bebas untuk menentukan sendiri tarikh penamaan calon, tempoh berkempen dan hari mengundi meskipun sesetengah pihak memberi tanggapan sebaliknya bagi menjejaskan kewibawaan suruhanjaya itu.

Malah, katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak membuat sebarang arahan kepada SPR untuk menetapkan tempoh berkempen menjelang pilihan raya umum ini.

"Dalam mesyuarat SPR esok untuk menetapkan tarikh penamaan calon dan hari mengundi bagi pilihan raya umum kesepuluh, kami bebas berbincang dengan mengambil kira semua pandangan ahli SPR.

"Misalnya, kami mengambil kira bulan puasa. Kami tidak menerima arahan daripada mana-mana pihak dan SPR tetap bebas dalam menjalankan tanggungjawabnya supaya pilihan raya diadakan secara adil kepada semua," katanya kepada Berita Harian hari ini.

Beliau diminta mengulas anggapan sesetengah pihak kononnya Dr Mahathir sudah "menetapkan" tarikh pilihan raya apabila menyatakan bahawa keputusan membubarkan Parlimen sekarang bagi membolehkan pilihan raya diadakan sebelum Ramadan bagi mengelak kegiatan kempen yang boleh mencemar kesucian bulan puasa.

Malah, baru-baru ini Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang pernah mendakwa bahawa kenyataan Dr Mahathir mengenai tempoh kempen yang panjang boleh mencetus kekacauan seperti pada 1969, sebagai campur tangan "dengan memberi arahan kepada SPR mengenai bagaimana badan itu sepatutnya mengadakan pilihan raya sejajar dengan Perlembagaan.'

Semalam, ketika mengumumkan pembubaran Parlimen, Dr Mahathir berkata pada mulanya beliau mahu mengadakan pilihan raya selepas Aidilfitri nanti tetapi mengubahnya bagi mengelak diganggu pihak tertentu yang akan cuba menggunakan masjid, surau dan tempat ibadat lain, untuk berkempen.

Wan Ahmad bagaimanapun berkata, apa yang disuarakan oleh Dr Mahathir itu adalah pendapatnya saja sebagai pemimpin kerajaan dan parti, bukan memberi arahan kepada SPR.

"Kit Siang sendiri pun pernah membuat beberapa saranan seperti tempoh kempen dan sebagainya. Itu juga adalah pandangannya. Semua orang berhak bercakap," katanya.

Beliau berkata, segala tanggapan negatif terhadap SPR hanyalah cubaan untuk menjejaskan kewibawaan suruhanjaya itu.

(END)